

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

THE STAR, WEDNESDAY 9 APRIL 2025

THE STAR MISC NATION 9/4/2025 (RABU)

Dzulkefly: I am ready to listen

Health Ministry to hold further discussions with MMA on price display issue

PUTRAJAYA: The Health Ministry will hold another round of discussions with the Malaysian Medical Association (MMA) and others following objections to the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 (Act 723) on private healthcare facilities.

Its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said he would review the concerns raised and engage the stakeholders.

"I was just informed about this issue (that eight medical associations are opposing the price display directive), and will look into it.

"I am ready to listen, especially after their meeting. I will again invite MMA for further dialogue on matters related to the display of medicine prices," he said, Bernama reported.

Dzulkefly was speaking to the media after the handover ceremony of 210 automated external defibrillators (AEDs) donated by

that the implementation of Act 723 was inconsistent compared to other sectors already governed under the Act, describing it as an abuse of power and an undue burden.

Previously, it was reported that private hospitals and clinics would begin displaying medicine prices at their facilities starting May 1, in line with the government's policy on price transparency in healthcare services.

Dzulkefly said the ministry had held several rounds of engagement with MMA and the Organisation of Malaysian Muslim Doctors, and it had been agreed that the matter falls under the Seventh Schedule of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586).

He also said that ministry is awaiting a final decision from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Finance Ministry regarding the proposed

revision of consultation fees for general practitioners.

He said the ministry had submitted the proposal, which is now in its final stages.

Affirming his commitment, Dzulkefly said the revision of GP consultation fees was among the key reasons medical associations had previously agreed to support the initiative to display medicine prices.

Meanwhile, Dzulkefly also said that non-compliance notifications or warning letters would be issued to premises that have failed to comply with the Tobacco Product Display Ban at Sales Counters.

He said phased enforcement is currently underway and would continue until Oct 1.

It was reported that more than 51,000 shops are involved in the ban on displaying tobacco products at sales counters, which started on April 1.



Committed to public health: Dzulkefly (centre) chatting with ministry representatives after the handover ceremony of 210 automated external defibrillators in Putrajaya. — Bernama

99 Speedmart Sdn Bhd yesterday.

On Monday, eight medical associations, including MMA and the Federation of Private Medical

Practitioners' Associations Malaysia, protested the ministry's move to apply Act 723 to the private healthcare sector.

MMA was reported as saying

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN • RABU 9 APRIL 2025

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

SINAR HARIAN MIS 10 NASIONAL 9/4/2025 (RABU)

Pelaksanaan
penguatkuasaan
secara berfasa
sedang berlangsung
sehingga 1 Oktober
depan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengeluarkan notifikasi ketidakpatuhan atau surat amaran terhadap premis yang gagal mematuhi Larangan Pameran Produk Rokok di Kaunter Jualan.

Bagaimanapun, Menteri, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pada masa ini pelaksanaan penguatkuasaan secara berfasa sedang berlangsung sehingga 1 Oktober depan.

"Penguatkuasaan berfasa masih lagi berlangsung dan sekiranya berlaku ketidakpatuhan, Kementerian akan mengeluarkan notifikasi atau surat amaran kepada pihak terbabit," katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Penyerahan Mesin Automated External Defibrillator (AED) di sini pada Selasa.

Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] bersama-sama peraturan dan perintah yang berkaitan di bawahnya telah dikuatkuasakan mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perintah larangan tersebut melibatkan sebanyak 51,000 kedai yang menjual produk merokok

di seluruh negara.

Akta 852 merangkumi peraturan pendaftaran, penjualan, pembungkusan, pelabelan, dan larangan merokok di tempat awam.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, satu sesi libat urus dengan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) berkaitan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP) [Akta 723] terhadap fasiliti penjagaan kesihatan swasta akan diadakan dalam masa terdekat.

Pemaparan harga ubat akan dikuatkuasakan pada 1 Mei depan melalui perintah di bawah AKHAP.

Seksyen 10 AKHAP memperuntukkan kuasa menteri untuk menghendaki barang atau perkhidmatan ditanda dengan harga.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, Rang Undang-Undang (RUU) Akta Penjagaan Pra Hospital dijangka dibentangkan di Parlimen selewat-lewatnya awal tahun hadapan.

Katanya, penggubalan akta yang sedang dilaksanakan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang itu mengambil kira 'Good Samaritan Law'.

"Ia sejenis indemniti untuk melindungi orang awam yang secara suci hati membantu dalam situasi kecemasan.

"Perkara ini sedang diteliti

Surat amaran jika gagal patuh larangan pameran rokok



Dr Dzulkefly (tengah) beramah mesra dengan wakil-kementerian selepas selesai menyerahkan mesin Automated External Defibrillator (AED) di Putrajaya pada Selasa.

untuk bagaimana kita akan mempermudahkannya dan keberanian orang awam yang telah diberikan latihan serta kemahiran itu mesti disahkan agar mereka berani ke hadapan untuk melakukan intervensi menyelamatkan nyawa pada waktu-waktu kritikal.

"Ini adalah komitmen yang saya mahukan dan Kementerian mahu laksanakan," jelasnya.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly

berucap pada majlis tersebut, beliau menggalakkan pemasangan mesin AED di kawasan awam sebagai sebahagian

daripada usaha kesiapsiagaan dalam komuniti.

Langkah itu, katanya, untuk memastikan kemudahan itu dapat diakses dengan mudah apabila berlaku kes-kes kecemasan.

"Kemudahan sahaja tidak mencukupi tanpa ilmu dan tindakan. Ilmu CPR (Resusitasi kardiopulmonari) dan penggunaan AED tidak seharusnya menjadi pengetahuan eksklusif kepada petugas kesihatan. Ia harus menjadi kemahiran asas masyarakat," katanya.

Terdahulu, KKM menerima

sebanyak 210 unit AED daripada Syarikat 99 Speedmart Sdn Bhd, yang mana 170 alat itu diagih ke hospital dan klinik kesihatan terpilih di seluruh negara.

Sementara 40 unit lagi diserahkan kepada 17 Kementerian dan agensi kerajaan di sekitar Putrajaya.

Inisiatif itu bertujuan meningkatkan akses rawatan awal kepada mangsa serangan jantung mengejut sebelum ketibaan ambulans, khususnya di bangunan kerajaan yang mempunyai aliran pengunjung yang tinggi.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

KOSMO/RABU 9 APRIL 2025

KOSMO M/S 8 NEGARA 9/4/2025 (RABU)

Bentang RUU Akta Penjagaan Pra Hospital akhir tahun

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) dijangka membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Penjagaan Pra Hospital selewat-lewatnya hujung tahun ini atau pada awal tahun hadapan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, proses penggubalan akta itu sedang berjalan termasuk 'Good Samaritan Law'.

Katanya, ia sejenis indemniti untuk melindungi orang awam yang secara sudi hati membantu dalam situasi kecemasan.

"Bahagian Perkembangan Perubatan dan BHEUU (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang) sedang melihat perkara ini, bagaimana kita permudahkan.

"(Ia termasuk) keberanian orang awam yang diberikan latihan, kemahiran itu mesti disahkan agar mereka berani ke depan untuk melakukan intervensi menyelamatkan nyawa pada waktu-waktu kritikal.

"Ini adalah komitmen yang saya mahukan dan kementerian mahu laksanakan. Kita berharap RUU ini dapat dibentangkan dalam masa terdekat, mungkin menjelang hujung tahun ini atau awal tahun hadapan," katanya di sini semalam.

Akta 'Good Samaritan' ialah perlindungan undang-undang

yang menggalakkan individu untuk membantu orang lain dalam situasi kecemasan tanpa rasa takut mengenai tindakan undang-undang sekiranya disaman kerana menyebabkan kecederaan yang tidak disengajakan semasa memberi bantuan.

Dalam perkembangan berlainan, Dr. Dzulkefly berkata, KKM akan mengeluarkan notifikasi ketidakpatuhan atau surat amaran ke atas premis yang didapati gagal mematuhi Larangan Pameran Produk Rokok di Kaunter Jualan.

Bagaimanapun, menurutnya, pelaksanaan penguatkuasaan secara berfasa sedang berlangsung ketika ini sehingga 1 Oktober depan.

"Penguatkuasaan berfasa masih lagi berlangsung dan sekiranya berlaku ketidakpatuhan, kementerian akan mengeluarkan notifikasi atau surat amaran kepada pihak terbabit," katanya.

Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] bersama-sama peraturan dan perintah berkaitan di bawahnya dikuatkuasa mulai 1 Oktober 2024.

Perintah larangan itu melibatkan sebanyak 51,000 kedai yang menjual produk merokok di seluruh negara.



DR. DZULKEFLY bergambar dengan wakil penerima mesin automated external defibrillator di Putrajaya semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Isu Akta 723

BH M15 NASIONAL 9/4/2025 (RABU)

KKM jemput MMA untuk sesi libat urus lanjut

Perbincangan babit isu pameran harga ubat sektor kesihatan swasta

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengadakan satu lagi pusingan perbincangan dengan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan badan perubatan lain, berikutan bantahan terhadap langkah melaksanakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) terhadap fasiliti penjagaan kesihatan swasta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata beliau akan mengkaji kebimbangan dibangkitkan dan berunding dengan pihak berkepentingan mengenai perkara berkenaan.

"Saya baru sahaja dimaklumkan mengenai isu itu (lapan persatuan perubatan membantah arahan pameran harga).

"Saya akan segera menyiasat dan mengadakan perbincangan lanjut.

"Saya bersedia mendengar, terutama selepas mesyuarat mereka semalam. Saya sekali lagi menjemput MMA (dan persatuan lain) untuk perbincangan lanjut mengenai hal ter-

kait dengan pameran harga ubat," kata selepas majlis penyerahan 210 unit *Automated External Defibrillator* (AED) sumbangan 99 Speedmart Sdn Bhd di sini, semalam.

Pada 7 April lalu, lapan persatuan perubatan, termasuk MMA dan Persatuan Gabungan Pengamal Perubatan Malaysia membantah langkah menggunakan Akta 723 terhadap sektor penjagaan kesihatan swasta.

MMA dilaporkan berkata, penggunaan Akta 723 itu juga tidak dilaksanakan secara seragam seperti sektor lain yang sudah diletakkan di bawah akta berkenaan dan ini suatu bentuk penyalahgunaan kuasa serta beban yang tidak wajar.

Papar harga ubat

Sebelum ini, dilaporkan hospital dan klinik swasta akan memaparkan harga ubat-ubatan di fasiliti mereka mulai 1 Mei depan, selaras dasar ketelusan harga dalam perkhidmatan kesihatan.

KKM sudah mengadakan beberapa pusingan libat urus khusus dengan MMA dan Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM) dan bersetuju perkara terkait dengan Jadual Ketujuh Akta Fasiliti dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Penjagaan Pra-Hospital, Dr

Dzulkefly berkata, ia dijangka dibentangkan di Parlimen selewat-lewatnya awal tahun depan.

Katanya, proses pengubalan RUU itu sedang dilakukan, termasuk cadangan elemen *Good Samaritan Law* bagi melindungi orang awam yang memberi bantuan kecemasan daripada implikasi undang-undang.

"Perkara ini saya (advokasikan) dari penggal pertama lagi dan kami sedang melihat kepadanya.

"Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) (melihat) bagaimana kami boleh menggalakkan orang awam yang mempunyai kemahiran diperakui berani ke hadapan untuk membuat intervensi menyelamatkan nyawa pada waktu kritikal.

"Kami berharap RUU ini akan dibentangkan hujung tahun ini atau awal tahun depan," katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM menggalakkan pemasangan AED di kawasan awam sebagai usaha kesiapsiagaan komuniti, selain memastikan kemudahan itu mudah diakses apabila berlaku kecemasan.

"Kajian menunjukkan AED dalam tempoh tiga hingga lima minit selepas serangan jantung, boleh meningkatkan kadar kelangsungan hidup antara 50 hingga 70 peratus," katanya.



Dr Dzulkefly dan Ketua Pegawai Operasi 99 Speed Mart Sdn Bhd, Yong Eng Kwang (dua dari kanan) pada majlis penyerahan mesin AED di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : KOMENTAR

MAH WISIT KOMENTAR 9/4/2025 (RABU)

Baiki akses kesihatan selamatkan ibu, bayi

Oleh Dr Siti Khadijah Adam

bhrencana@bh.com.my



Hari Kesihatan Sedunia disambut 7 April lalu, bertujuan memperingati penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 1948.

Ia didedikasikan untuk meningkatkan kesedaran isu kesihatan kritikal di seluruh dunia dan menggerakkan usaha menanganinya. Tema pada tahun ini, *Healthy Beginnings, Hopeful Futures* menekankan usaha mengurangkan kematian ibu dan bayi yang boleh dicegah, selain memberi keutamaan kepada kesihatan serta kesejahteraan jangka panjang wanita.

Walaupun terdapat kemajuan dalam penjagaan kesihatan dan teknologi perubatan, kelangsungan hidup kedua-dua golongan itu masih menjadi cabaran global dengan perbezaan ketara dalam akses, kualiti dan kesaksamaan perkhidmatan kesihatan.

Menurut WHO, hampir 300,000 wanita meninggal dunia setiap tahun akibat komplikasi berkaitan kehamilan atau kelahiran, manakala lebih 2 juta bayi meninggal dunia dalam bulan pertama kehidupan serta kira-kira 2 juta lagi meninggal dunia semasa kelahiran, kebanyakannya disebabkan penjagaan antenatal tidak mencukupi.

Di negara ini, indikator kesihatan ibu dan bayi menunjukkan peningkatan, namun cabaran masih wujud. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan nisbah kematian ibu (MMR) adalah 26 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada 2022, se-

dikit menurun kepada 25.7 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup (2023).

Angka ini mencerminkan pemulihan kepada tahap sebelum pandemik, menandakan usaha berterusan meningkatkan kesihatan ibu.

Kadar kematian bayi di negara ini juga menunjukkan trend penurunan. Pada 2023, nisbah kematian bayi adalah 6.7 bagi setiap 1,000 kelahiran, sedikit lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Statistik ini menekankan kepentingan usaha berterusan menangani jurang dalam kelangsungan hidup ibu dan bayi baru lahir.

Sokongan selepas bersalin tidak mencukupi

Walaupun penjagaan kesihatan ibu dan bayi bertambah baik dalam beberapa dekad kebelakangan ini, cabaran kritikal masih wujud yang boleh menjejaskan nyawa golongan itu.

Akses terhad kepada penjagaan kesihatan ibu berkualiti, terutama di luar bandar dan kurang mendapat perhatian, menghalang ramai wanita menerima sokongan perubahan diperlukan semasa kehamilan serta kelahiran. Kematian akibat penjarahan selepas bersalin, jangkitan dan komplikasi kelahiran boleh dielakkan dengan intervensi perubatan yang tepat pada masanya.

Sistem kesihatan cenderung memberi tumpuan utama kepada proses kelahiran, namun sokongan selepas bersalin masih tidak mencukupi, menyebabkan wanita berisiko mengalami cabaran kesihatan fizikal jangka panjang.

Selain itu, jurang sosioekonomi termasuk kemiskinan, tahap pendidikan dan halangan geog-

رافي memburukkan lagi ketidaksamaan dalam penjagaan kesihatan, menjadikan akses kepada penjagaan ibu dan bayi lebih sukar bagi sesetengah wanita.

Menangani jurang ini memerlukan usaha bersama kerajaan, profesional penjagaan kesihatan, pendidik dan komuniti untuk memastikan golongan itu mendapat penjagaan diperlukan serta berhak.

Masyarakat perlu mempromosikan kesihatan ibu dan bayi baru lahir melalui advokasi, kesedaran dan pembabitian komuniti. Meningkatkan kesedaran melalui media sosial, inisiatif komuniti dan perancangan di tempat kerja dapat membantu menekankan kepentingan amalan kehamilan selamat, penjagaan selepas bersalin serta kesihatan bayi baru lahir.

Memerangi maklumat salah terhadap penjagaan kedua-dua golongan itu adalah penting bagi memastikan ibu mengandungi dan keluarga mereka mempunyai akses kepada maklumat sahih secara saintifik. Menyokong organisasi menyediakan perkhidmatan kesihatan, sama ada melalui sumbangan, kerja sukarela atau advokasi juga dapat membawa perubahan bermakna.

Mengalakkan ibu mengandungi mendapatkan penjagaan pranatal dan postnatal sesuai serta mewujudkan persekitaran sokongan bagi ibu bapa dapat membantu membentuk budaya kesihatan kedua-dua golongan itu menjadi tanggungjawab bersama. Bekerjasama dengan profesional penjagaan kesihatan, pendidik, pembuat dasar dan masyarakat, kita dapat membina masa depan setiap ibu serta bayi baru lahir mempunyai peluang untuk hidup dengan sihat dan sejahtera.